



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; ZAKAT FITRAH; KEWAJIPAN PENUH MAKNA



ISLAMIC - SAUQUUR - OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ZAKAT FITRAH; KEWAJIPAN PENUH MAKNA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾</p>	<p>2</p>
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	<p>3</p>
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	<p>4</p>
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.</p>	<p>5</p>
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "ZAKAT FITRAH: KEWAJIPAN PENUH MAKNA".</p>	<p>6</p>



Kewajipan zakat fitrah adalah berpandukan kepada banyak dalil, di antaranya daripada Ibn Umar Radhiallahuanhuma, beliau meriwayatkan bahawa:

"Sesungguhnya Rasulullah SAW memerintahkan untuk membayar zakat fitrah sebelum orang ramai keluar untuk mengerjakan solat (hari raya)".

(Riwayat al-Bukhari).

7

Hukum menunaikan zakat fitrah adalah wajib dan mengingkarinya adalah satu dosa. Namun kewajipan zakat fitrah bukan sekadar melepaskan diri kita daripada dosa kerana zakat fitrah juga mempunyai makna yang sangat mendalam kepada golongan fakir miskin demi memberikan kegembiraan kepada mereka di hari raya.

8

Berdasarkan ketetapan syarak, kefardhuan zakat fitrah mempunyai maksud yang sangat besar, antaranya ialah menyucikan jiwa daripada sifat mazmumah, membersihkan diri dari perbuatan yang sia-sia dan berkongsi kebahagiaan sesama umat Islam.

9

Perkara ini ada dinyatakan di dalam sebuah hadis, iaitu daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma bahawa beliau berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ

اللُّغُوِّ وَالرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ

10



<p>“Rasulullah SAW telah menfardhukan zakat fitrah sebagai penyuci bagi orang yang berpuasa dari sebarang lagha dan keji serta memberi makan kepada orang-orang miskin.”</p> <p>(Riwayat Abu Daud).</p>	11
<p>Zakat fitrah wajib ditunaikan pada waktu yang telah ditetapkan, iaitu selepas terbenam matahari akhir bulan Ramadhan sehingga sebelum solat sunat ‘Idulfitri dilaksanakan. Ini kerana objektif zakat fitrah adalah untuk mencukupkan keperluan fakir dan miskin daripada meminta-minta pada hari raya ‘Idulfitri.</p>	12
<p>Di negeri Selangor, fatwa menetapkan bahawa zakat fitrah wajib ditunaikan berasaskan makanan asasi yang dimakan oleh umat Islam di negeri ini, iaitu beras ataupun ditukarkan kepada harganya. Kadar beras fitrah yang wajib dikeluarkan adalah sebanyak satu gantang <i>Baghdad</i> yang bersamaan kira-kira 2.6 kilogram beras Super Tempatan Gred A. Ia kemudiannya ditukarkan kepada harga atau nilai wang yang sama dengan berat beras tersebut.</p>	13
<p>Namun begitu, kita juga amat dianjurkan agar menunaikan zakat fitrah mengikut jenis atau gred makanan yang lebih baik yang kita makan sehari-hari, iaitu berpandukan kepada kemampuan kita sendiri.</p>	14



Dalam hal ini, Ibnu 'Umar Radhiallahuanhuma menyatakan seperti berikut:

أَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِزَكَاةِ الْفِطْرِ، صَاعًا مِنْ
تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ. فَجَعَلَ النَّاسُ عِدْلَهُ مُدَّيْنِ مِنْ حِنْطَةٍ

15

"Rasulullah SAW memerintahkan (kami para sahabat) supaya membayar zakat fitrah segantang tamar atau segantang barli. Maka orang ramai menyamakan (segantang itu) dengan dua cupak hintah (gandum, iaitu makanan terbaik yang dimakan oleh mereka)."

16

(Riwayat al-Bukhari).

Maka, seseorang yang berkemampuan boleh menunaikan zakat fitrah sesuai dengan harga beras yang dimakan olehnya, sama ada berharga RM14 atau RM 21, malah mungkin lebih lagi. Inilah yang lebih baik baginya, sesuai dengan kemampuan dirinya sendiri.

17

Marilah kita bersama-sama menunaikan zakat fitrah lebih awal. Tidak perlu kita menunggu waktu-waktu terakhir untuk menunaikan zakat fitrah, khususnya pada pagi satu Syawal dengan alasan, itulah waktu yang paling afdhal. Hakikatnya syarak telah membenarkan kita untuk membayar zakat fitrah bermula malam satu Ramadhan lagi.

18



Jumhur fuqaha berpendapat, sekiranya zakat fitrah tersebut ditunaikan selepas solat 'Idulfitri dan sebelum terbenam matahari 1 Syawal, maka hukumnya adalah makruh. Sekiranya dilengah-lengahkan pembayaran zakat fitrah sehingga selepas terbenam matahari 1 Syawal, perbuatan melengahkan itu adalah haram dan berdosa, namun zakatnya adalah sah dan dikira sebagai zakat qada'. Walaupun demikian dia tetap wajib segera bertaubat dan menyesali perbuatan melengahkan itu.

19

Namun begitu jika masih ada yang terlepas menunaikan zakat fitrah, sama ada kerana terlupa ataupun sengaja, maka wajib baginya untuk mengqada' dengan segera dan tidak menangguhkannya lagi sehingga masuk Ramadhan yang akan datang. Wajib baginya menunaikan qada' zakat fitrah. Walaupun teringat kewajipan tersebut, setelah habis bulan Syawal boleh qada' zakat fitrah itu sama ada di kaunter-kaunter zakat ataupun di saluran atas talian (*on line*) atas nama 'qada' zakat.'

20

Ketahuiilah bahawa Allah SWT telah menjanjikan kepada orang-orang yang menunaikan zakat fitrah dengan ganjaran yang sangat besar di syurga nanti. Hadis daripada Ali bin Abi Talib Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya di dalam syurga terdapat sebuah bilik yang (tembus penglihatan), luarnya dapat dilihat dari dalamnya, dan (jika dari) dalam dapat melihat ke luarnya. (Kemudian) berdirilah seorang Arab Badwi lantas bertanya: Kepada siapakah (bilik itu disediakan) wahai Rasulullah?” Rasulullah SAW menjawab: “Bagi mereka yang berkata baik, memberi makan (termasuklah menunaikan zakat fitrah), rajin berpuasa dan mengerjakan solat kerana Allah pada malam hari di saat manusia lain sedang terlena.”

21

(Riwayat al-Tirmidzi).



Sementara itu, bagi orang-orang yang bakhil dan enggan menunaikan zakat fitrah maka mereka dianggap sebagai pendusta agama, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ma'un ayat 1 - 3:

22

أَرَعَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالَّذِينَ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿٢﴾
وَلَا يُحِضُّ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿٣﴾

"Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin."

23

Di kesempatan ini, mimbar ingin mengingatkan bagi mereka yang bekerja atau tinggal di negeri Selangor, agar menunaikan zakat di negeri Selangor melalui amil-amil zakat yang dilantik oleh Lembaga Zakat Selangor, supaya manfaat tersebut dapat diagihkan kepada lebih 70,000 keluarga asnaf fakir dan miskin di negeri ini.

24

Hal ini bersesuaian dengan apa yang diperintahkan oleh Nabi Muhammad SAW, bahawa zakat itu dikutip dan diagih kembali di tempat asal di mana harta kekayaan itu berada. Daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhu, ketika Rasulullah SAW ingin mengutuskan Saidina Mu'az bin Jabal Radhiallahuanhu ke Yaman untuk berdakwah, Rasulullah telah bersabda:

25

فَاعْلَمِهِمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُوْخَذُ مِنْ
أَغْنِيَاءِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَىٰ فُقَرَائِهِمْ



“Dan ajarkanlah penduduk Yaman, bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka zakat pada harta mereka, diambil daripada golongan kaya dalam kalangan mereka dan diagihkan kepada golongan fakir dalam kalangan mereka”

26

(Riwayat al-Bukhari).

Disamping itu juga bagi orang-orang yang mengendalikan zakat fitrah juga hendaklah jujur dan amanah dalam pekerjaannya. Ini kerana, Allah SWT amat murka kepada mereka yang salah guna kedudukan dan memakan harta zakat tanpa jalan yang benar.

27

Daripada Abu Humaid al-Sa’idi Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah SAW telah melantik seorang lelaki dari Bani Asad bernama Ibnu Luthbiyah untuk mengumpulkan zakat. Ketika dia membawakan zakat yang dipungutnya, dia berkata kepada Rasulullah SAW: *“Ini zakat kuserahkan kepadamu, dan ini hadiah orang kepadaku.”* Abu Humaid berkata: “Rasulullah SAW lalu berdiri di atas mimbar, kemudian memuji dan menyanjung Allah, serta bersabda, *‘Bagaimana boleh ada seorang petugas zakat yang sudah aku tugaskan memungut zakat, lalu dia berkata, “Zakat ini kuberikan kepadamu, dan ini hadiah daripada orang untukku.” Mengapa dia tidak duduk sahaja di rumah ibunya atau bapanya menunggu orang menghantarkan hadiah kepadanya? Demi Allah yang jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, tidak ada seorang pun di antara kamu yang mengambil harta secara khianat, melainkan kelak dia akan memikul harta itu di atas lehernya pada hari kiamat.”*

28

(Riwayat Muslim).



Mengakhiri khutbah ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat fitrah adalah ibadah yang sangat besar rahsianya di sisi ibadah puasa dalam menyuburkan sifat suka bersedekah dalam diri seorang muslim.
2. Setiap individu dalam kalangan umat Islam yang berkewajipan membayar zakat fitrah hendaklah menunaikannya mengikut kemampuan diri dan menunaikannya lebih awal untuk mengelakkan risiko terlupa.
3. Umat Islam yang bekerja atau tinggal di negeri Selangor, hendaklah menunaikan zakat di negeri Selangor melalui Lembaga Zakat Selangor atau wakilnya.

29

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ
الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

30

"*Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)*".

31

(Surah al-Maidah: 55).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

32

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

33



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	9
<p>اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْا امِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	10
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.</p>	12
<p>Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan- Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana, malapetaka dan banjir. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	13



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.</p>	15
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	16
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.</p>	17
<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَإِلِجَابَةٌ جَدِيرٌ.	19
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.	20
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	21
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	22